

23/10/1998

Sri Chenok asah bakat dikir barat

Azman Mahmood

KOTA BHARU: Dikir barat adalah satu daripada pelbagai warisan seni budaya negeri Kelantan dan terus popular di kalangan masyarakat di negeri ini.

Malah, penggiat seni di negeri ini terus mempertahankan keutuhan seni budaya itu yang sememangnya mendapat tempat di hati peminatnya dari pelbagai lapisan peringkat umur.

Walaupun sebelum ini timbul kontroversi mengenai persembahan dikir barat yang pernah diharamkan kerajaan negeri buat seketika kerana dikatakan menggunakan penyanyi wanita dan seni kata tidak bermoral dalam persembahannya, masalah itu dianggap sudah diselesaikan.

Penggiat seni dikir barat kini boleh mengadakan semula persembahan dengan syarat mematuhi garis panduan yang ditetapkan kerajaan negeri.

Sebenarnya, dikir barat bukan sahaja popular di Kelantan malah diminati di beberapa negeri lain, sehingga rentaknya juga sesuai dijadikan irama dalam lagu-lagu moden.

Di sebalik populariti dikir barat di kalangan masyarakat tempatan, ia mempunyai nilai-nilai murni seperti unsur keagamaan, nasihat dan mewujudkan kesedaran kepada masyarakat umum.

Menyedari hakikat dan kepentingan nilai seperti itulah, sekumpulan belia di Kampung Chenok, Kadok, dekat sini, menubuhkan pasukan dikir barat mereka sendiri.

Pasukan yang dikenali Sri Chenok itu mempunyai 25 anggota berumur antara 17 tahun dan 43 tahun, kini dikenali umum sebagai kumpulan baru untuk mengukir nama dalam seni itu di negeri ini.

Menurut ketua pasukan itu, Che Deraman Noor, 36, mereka menubuhkan pasukan itu kira-kira empat bulan lalu atas kesedaran untuk mengisi masa lapang remaja dan golongan belia, di samping mendapat sokongan penduduk setempat di Kampung Chenok.

Dengan adanya pasukan itu, katanya, anak-anak muda di kampung berkenaan dapat dikumpulkan sekurang-kurangnya untuk menyaksikan latihan dan persembahan yang diadakan, di tempat sendiri.

"Apa yang menarik dan di luar jangkaan ialah penubuhan pasukan Sri Chenok ini mendapat sambutan daripada anak-anak muda menjadi ahli dan mereka menunjukkan minat, semangat dan sikap penuh disiplin untuk mempelajari cara berdikir barat.

"Inilah matlamat kami yang sudah menunjukkan kejayaan di peringkat awal bagi mengumpul anak-anak muda di kampung ini supaya tidak berkeliaran atau terbabit dalam gejala tidak sihat terutama waktu malam, sebaliknya menghadiri latihan berdikir," katanya ketika ditemui selepas mengadakan sesi latihan berdikir, di Kampung Chenok, baru-baru ini.

Katanya, pasukannya berlatih tiga kali seminggu selama dua jam, iaitu pada malam Ahad, Selasa dan Khamis yang turut disertai Tok Juara (Ismail Suara Mas); Tukang Karut (Fauzi Mamat) dan Penyanyi, Wan Ismail Comel.

Pasukan itu mendapat bimbingan mengenai selok-belok dan peraturan dikir barat termasuk mencipta lagu daripada beberapa tok juara dan tukang karut terkenal seperti Mat Gelama dan Seman Wau Bulan.

Beliau berkata, lagu dalam dikir barat Sri Chenok yang sering dipersembahkan dan menjadi keutamaan adalah berunsurkan kemasyarakatan, patriotik, nasihat dan yang boleh memberi kesedaran kepada umum.

"Kami tidak membenarkan sama sekali ahli pasukan ini menyanyikan lagu yang tidak bermoral dan boleh merosakkan pemikiran masyarakat," katanya.

Menurutnya, sejak Sri Chenok ditubuhkan, pasukan itu sudah mendapat

beberapa undangan mengadakan persembahan dikir barat di beberapa kampung seperti di Temangan, Machang; Meranti, Pasir Mas dan Salor, Kota Bharu.

Beliau berkata, pasukan itu juga berasa bertuah apabila diberi kepercayaan mengadakan persembahan sulung di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena majlis Wacana Cinta Negara, di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Chengal, Kadok, Ogos lalu.

Katanya, kejayaan mendapat undangan itu menunjukkan Sri Chenok sudah mula mendapat tempat di kalangan peminat seni dikir barat di negeri ini yang secara tidak langsung menyuntik semangat lebih ketal kepada anak-anak muda kampung ini untuk menaikkan lagi nama Kampung Chenok menerusi pasukan dikir barat.

"Matlamat paling penting kepada kami ialah penubuhan pasukan Sri Chenok adalah untuk terus menyambung dan menghidupkan seni warisan budaya ini yang paling popular di negeri ini.

"Pada masa yang sama kami mahu mencungkil bakat baru yang berpotensi dalam seni dikir barat sebagai pelapis menyambung warisan budaya.

"Sebenarnya, kami tidak mahu melihat warisan seni budaya di negeri ini terkubur dan sewajarnya persatuan di peringkat kampung mengambil usaha menghidupkan apa sahaja bentuk warisan seni budaya rakyat Kelantan," katanya.

(END)